

Bapa rogol, liwat anak kandung dipenjara 32 tahun



TERTUDUH dibawa keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam dijatuhi hukuman penjara 32 tahun.

KUALA TERENGGANU – Perbuatan tidak bertanggungjawab seorang bapa yang memperkosa dan meliwat anak kandungnya sendiri pada tiga tahun lalu berbalas apabila dia dihukum penjara 32 tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Noorah Osman turut memerintahkan tertuduh berusia 50 tahun tersebut dijatuhi hukuman sebatan sebanyak 22 kali.

Lelaki yang sudah berpisah dengan ibu mangsa menghadapi tiga pertuduhan iaitu dua bagi tuduhan memperkosa dan satu meliwat anak perempuannya berusia 15 tahun.

Berdasarkan pertuduhan pertama dan kedua, lelaki itu didakwa melakukan sumbang mahram terhadap mangsa.

Kedua-dua perbuatan tersebut masing-masing dilakukan pada pukul 12 tengah hari, 14 Ogos 2019 dan pukul 2 petang, 26 November tahun sama.

Bagi pertuduhan ketiga pula, tertuduh didakwa meliwat mangsa di lokasi dan masa sama pada 26 November 2019.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksan dan Seksyen 377 (c) akta sama.

Hakim Noorah memerintahkan lelaki itu menjalani hukuman

penjara 16 tahun dan 10 sebatan bagi pertuduhan pertama dan kedua.

Bagi pertuduhan ketiga pula, beliau memerintahkan tertuduh dihukum penjara tujuh tahun dan dua sebatan.

Hukuman penjara bagi pertuduhan pertama dan kedua dilaksanakan secara berasingan, manakala pertuduhan ketiga pula serentak bersama pertuduhan kedua.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Intan Nor Hilwani Mat Rifin, manakala tertuduh pula diwakili peguam, Mohd. Hayyatuddin Muhamad.